



23 JUN, 2022

FAMA bawa 30 tan durian pelbagai jenis

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Fiesta Makanan, Bunga dan Buah

FAMA bawa 30 tan durian pelbagai jenis

Butterworth: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa 30 tan durian pelbagai jenis dari Pulau Pinang dan negeri berdekatan sempena program Fiesta Makanan, Bunga dan Buah (FAMA Fest) di tempat letak kenderaan sebuah pasaraya di Seberang Jaya, di sini.

Program yang berlangsung selama lima hari bermula semalam turut membawakan pelbagai jenis buah-buahan segar dan bermusim termasuk bunga serta empayar produk makanan di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Muhamad Mustahapa Awang, berkata pihaknya yakin program itu mampu menarik 50,000 pengunjung sekali gus mencapai sasaran jualan sebanyak RM500,000.

“Seramai 130 usahawan memabatkan diri dalam program ini. Selain durian kita turut bawakan empayar makanan yang bukan sahaja dari Pulau Pinang tetapi produk dari serata negeri.



Muhamad Mustahapa (kiri) di gerai jualan durian pada program FAMA Fest di Seberang Jaya, Butterworth, semalam. (Foto Nur Izzati Mohamad/BH)

“Kita harap ia dapat memberi peluang kepada usahawan memasarkan produk mereka, sekali gus meningkatkan pendapatan selepas dua tahun program ini terhenti

ekoran COVID-19.

“Bagi pengunjung yang berminat mendapatkan durian, kita ada bawa 30 tan durian daripada pelbagai varieti yang boleh dicuba dengan harga

yang cukup berpatutan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada Majlis Parti Durian bersama Media Pulau Pinang, di sini, semalam.



23 JUN, 2022

FAMA bawa 30 tan durian pelbagai jenis

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Fiesta Makanan, Bunga dan Buah

Butterworth: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa 30 tan durian pelbagai jenis dari Pulau Pinang dan negeri berdekatan sempena program Fiesta Makanan, Bunga dan Buah (FAMA Fest) di tempat letak kenderaan sebuah pasaraya di Seberang Jaya, di sini. Program yang berlangsung selama lima hari bermula semalam turut membawakan pelbagai jenis buah-buahan segar dan bermusim termasuk bunga serta empayar produk makanan di seluruh negara.